



Ruj. Kami : PTGPP/H/2173 Jld.33 (38)
Tarikh : 17 Januari 2020

SEPERTI SENARAI EDARAN

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN BIL. 03/2020

PEREMITAN KEPADA KADAR CUKAI NOMINAL RM1.00 KE ATAS HAKMILIK STRATA DI NEGERI PULAU PINANG

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Arahan ini bertujuan memberikan panduan kepada Pejabat Daerah dan Tanah dan Pejabat Tanah dan Galian bagi memberikan peremitan kepada kadar Cukai Nominal RM1.00 ke atas hakmilik strata di Negeri Pulau Pinang.

3. Pentadbir Tanah dinasihatkan untuk memberikan peremitan kepada Cukai Nominal RM1.00 untuk hakmilik bagi petak/petak tanah/blok sementara seperti kriteria berikut:

- a) Hakmilik Perbadanan Ketua Menteri (CMI), Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri (SSI) dan Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang.
- b) Hakmilik bagi kemudahan masyarakat di bangunan strata:
 - i) Surau dan lain-lain yang diselenggara oleh Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAINPP).
 - ii) Dewan, taska, tadika, klinik, tapak penjaja dan lain-lain yang diselenggara oleh Pihak Berkuasa Tempatan.


4. Kadar Cukai Nominal ini akan dikenakan pada bil cukai bagi petak atau blok sementara selagi nama pada hakmilik didaftarkan seperti di para 3. Jumlah cukai tahunan di hakmilik perlu dikekalkan dengan nilai cukai yang sebenar. Pentadbir Tanah hendaklah membuat pelarasan cukai ke atas bil cukai petak apabila hakmilik tersebut telah ditukarkan kepada nama pembeli. Bersama ini disertakan Kertas Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Bil. 68/2020 untuk perhatian pihak tuan/puan.

5. Arahan ini berkuatkuasa dengan serta merta. Sehubungan itu, mohon jasa baik pihak tuan/puan untuk mematuhi arahan ini. Kerjasama daripada pihak tuan/puan berhubung perkara di atas amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



(HAJI AKMAR BIN HAJI OMAR)
Pengarah Tanah dan Galian
Pulau Pinang

s.k: Fail Timbul

SENARAI EDARAN

Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara
13200 Kepala Batas
Pulau Pinang
(u.p. : Puan Ummu Umairah binti Azahari)

Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah
Jalan Betek, Sungai Rambai
14000 Bukit Mertajam
Pulau Pinang
(u.p. : Puan Nor Amalia binti Mohamad Kassim)

Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan
14200 Sungai Jawi
Pulau Pinang
(u.p. : Encik Rosfihan bin Othman)

Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah Timur Laut
Tingkat 51, Bangunan Komtar
10000 Pulau Pinang
(u.p. : Encik Mohd Munir Bin Abdul Rahman)

Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya
11000 Balik Pulau
Pulau Pinang
(u.p. : Puan Nurul Ain Binti Alzafry Mohamed Alnassif)